



40 mahasiswa pelajari budaya Nusantara

Oleh: NOOR AFIZA MOHD. ASMI

Seramai 40 orang mahasiswa bersama dua orang pegawai pengiring mengikuti Program Antarabangsa Pelajar: Perkongsian Akademik dan Sosiobudaya di Yogyakarta, Indonesia anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP pada 20 Februari 2015 yang lalu.

Penyertaan terdiri dalam kalangan mahasiswa yang bergiat aktif Kumpulan Seni & Budaya Sekretariat Kebudayaan & Kesenian UMP.

Antara kumpulan yang terlibat adalah Kumpulan Seni Tari Kencana Pawana, Kumpulan Seni Teater Senandika & Waris, Kumpulan Muzik Band, Gamelan dan Orkestra, Kumpulan Nasyid Baraqah Beggers, Kumpulan Seni Suara Vocal Intensity, Kumpulan Dikir Barat Warisan Seri Pujangga & Seri Juita Inderapura, Kumpulan Seni Fotografi Shutter Buster dan Exco Kebudayaan India.

Menurut Fadhilah Sutan Ibrahim selaku Presiden Sekretariat Kebudayaan & Kesenian, Program Kembara Tingkah Budaya Nusantara 2015 dijalankan di Institut Seni Indonesia (ISI), Yogyakarta.

"Para peserta dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu seni tari, seni teater, seni suara dan seni muzik kerongcong dan gamelan. Mereka diajar oleh pensyarah ISI yang berpengalaman

tentang asas tarian jawa. Manakala seni teater diajar kaedah merealisasikan idea ke pentas melalui olah tubuh dan pantulan vokal dan penghayatan.

"Bagi kelas seni suara pula, mereka diajar menyanyi menggunakan dialek Indonesia Timur malahan buat pertama kalinya, peserta dari kumpulan band dan orkestra UMP didedahkan seni Muzik Kerongcong yang agak mencabar.

"Manakala peserta daripada Kumpulan Gamelan UMP berpeluang untuk bertukar-tukar idea bermain alat muzik gamelan jawa bersama-sama pelajar di sana," katanya.

Tambah beliau, program di ISI berakhir dengan persembahan hasil usaha gigih latihan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berlangsung dengan lancar.

Para pensyarah ISI turut memuji sikap bersungguh-sungguh yang ditunjukkan peserta ketika mengadakan sesi latihan sehingga berjaya dipertontonkan kepada umum.

Mahasiswa juga berpeluang melawat bandar Yogyakarta yang amat terkenal dengan tempat-tempat bersejarah dan seni seperti melawat Candi Borobudur dan menyaksikan persembahan Ramayana dan Shinta serta mendekati pemuzik dan penggiat seni jalanan di Jalan Malioboro.

